

BISNES (/BISNES) » Korporat (/bisnes/korporat)

Isnin, 16 Disember 2019 | 8:58pm



Cari Kata Kunci



## CREST BUILDER HOLDINGS BERHAD

---

### Crest Builder peroleh kontrak 99 Residence

KUALA LUMPUR: Crest Builder Holdings Bhd (Crest Builder) memperoleh kontrak bernilai RM316 juta bagi cadangan pembinaan projek 99 Residence Development daripada Inter Sky Development Sdn Bhd, ahli JL99 Group.

Syarikat itu, dalam satu kenyataan hari ini berkata projek berkenaan diberikan kepada anak syarikat milik penuhnya, Crest Builder Sdn Bhd.

Kerja pembinaan projek itu akan mengambil masa 35 bulan daripada tarikh permulaan yang dijadualkan pada 1 Julai, 2020 dan dijangka siap pada 31 Mei 2023.

Projek itu yang terletak di Mukim Batu di sini, terdiri daripada empat blok pangsapuri berperkhidmatan 55 tingkat (1,421 unit), serta podium letak kereta dan kemudahan lain.

“Dengan kontrak ini, ia menjadikan keseluruhan kontrak yang diperoleh berjumlah RM570 juta, melebihi sasaran penambahannya sebanyak RM500 juta bagi 2019,” kata Crest Builder.

Nilai perolehan kontrak syarikat tertunggak berjumlah RM1.3 bilion bakal menyediakan pendapatan kukuh bagi tempoh empat tahun akan datang.

“Kami sangat gembira dipilih sebagai rakan kongsi pembinaan JL99 bagi projek besar ini. Projek 99 Residence ini dijangka menjadi antara bangunan tertinggi di bahagian utara Kuala Lumpur.

“JL99 Group adalah pemaju yang sangat bereputasi tinggi, dengan banyak lagi projek dalam perancangan. Kami berharap dapat menjalin kerjasama jangka panjang yang membuahkan hasil dengan mereka,” kata Pengarah Urusan kumpulan Crest Builder Holdings, Eric Yong.

-- BERNAMA

## Berita Berkaitan



CREST BUILDER HOLDINGS BERHAD



(/bisnes/hartanah/2019/07/590493/sc-estate-  
sumbang-dana-pendidikan-rm1-juta-kepada-ysb)



(/bisnes/korporat/2019/02/530160/unit-kerjaya-  
peroleh-kontrak-pembinaan-bernilai-rm280-juta)